

CNS0127

U GB 08-11 00199 BA609

aab

UMAT ISLAM MUNDUR KERANA TIDAK TMBANGI DUNIA DAN AKHIRAT
Mahathir - UMNO (Islam)''''

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata umat Tslam hari ini mundur dan lemah kerana gagal mengimbangi antara kepentingan duniawi dengan amalan-amalan ibadah untuk akhirat.

Tni semua berpunca daripada ajaran sesetengah ulama yang telah salah mentafsirkan ajaran Tslam itu sendiri, termasuk pengertian Ad-deen atau cara hidup yang dihurai kan sebagai semata-mata tertumpu kepada kebahagiaan di akhirat.

+Jika ada sesiapa yang bercakap atau berusaha untuk kebahagiaan di dunia, maka orang yang mendakwadi sebagai ulama itu akan menuduh mereka bersalah dan tidak Tslam kerana bagi ulama itu Ad-deen bermakna Allah bersedia untuk menghadapi kematian semata-mata, + katanya ketika merasmikan Perhimpunan Agung UMNO di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Prsiden Umno, berkata, guru-guru agama yang mengajar orang Tslam supaya tidak berusaha bersungguh-sungguh adalah guru-guru yang jahil, angkuh dan sombong.

+Ajaran ulama inilah yang menyebabkan umat Tslam menghabiskan hayat mereka semata-mata untuk membuat persediaan bagi menghadapi akhirat sehingga tidak ada masa lagi untuk mengejar kejayaan dunia. -- Lagi

♥08/11/11-11MST

U GB 08-11 00183 BA610

nab

Mahathir - UMNO (Tslam) 2 Kuala Lumpur''''

+Jika mereka penuntut, mereka tidak belajar dan jika mereka pekerja, mereka abai kan kerja yang diamanahkan kepada mereka, tujar beliau.

Akibatnya, kata beliau, ada negara Tslam yang kaya dengan hasil bumi kurniaan Tuhan terpaksa meminta pertolongan negara bukan Tslam apabila diserang oleh sebuah negara Tslam lain yang tamak.

+Secara tidak langsung, ini meletakkan negara-negara Tslam di bawah telunjuk bukan Tslam manakala negara yang tamak tadi telah dikalahkan dengan teruk, dilumpuh dan dihina oleh dunia.

Perdana Menteri berkata, umat Tslam sepatutnya mencontohi perjuangan Nabi Muhammad yang telah menyampaikan ajaran Tslam dengan penuh amanah sehingga berjaya menjadikan umat Tslam satu bangsa yang kuat, berpengetahuan dan mulia manakala empayar Tslam yang didirikan pula merupakan sebuah empayar yang besar, gemilang dan mendahului penganut agama-agama lain dalam bi clang i lmu duniawi.

Menurut Datuk Ssri Dr Mahathir, jika orang Arab ketika itu hanya asyik menyediakan diri untuk akhirat dan tidak cekap dalam ilmu pelayaran, sudah tentu mereka tidak mampu mengembara meninggalkan Mekah dan Madinah hingga ke Tanah Melayu. -- Lagi

♥08/11/11-13MST

CNS0136

U GB 08-11 00170 BA612

aab

Mahathir - UMNO (Islam) 3 Kuala Lumpur

+Jika mereka asyik menyedi akan diri untuk akhirat, orang Melayu hari ini akan terus menyembah busut dan pokok-pokok kayu, + tegas beliau.

Malangnya, kata Perdana Menteri, orang Melayu sekarang tidak menganggap mereka diamanahkan untuk menjayakan diri supaya lebih mampu mengembangkan agama Islam.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Islam tidak cacat dan tidak pernah menghalang umatnya mengejar kejayaan di dunia. Yang cacat ialah mereka yang membuat tafsiran menyebabkan umat Islam mengamalkan cara hidup yang menyekat kejayaan mereka.

+Hanya dengan berpandukan kepada ajaran Islam yang benar, yang tidak menolak kejayaan di dunia, baharu lah rancangan untuk memajukan orang Melayu akan dapat dilaksanakan dengan berkesan, + ujar beliau.

Dalam ucapan lebih sejam itu, Perdana Menteri juga menyentuh mengenai tanggungjawab UMNO dengan menggesa anggotanya meningkatkan usaha mewujudkan bangsa Melayu dan Bumiputera yang baru, yang mempunyai budaya sesuai dengan aliran zaman, sanggup menghadapi cabaran, dapat bersaing tanpa bantuan, terpelajar dan berilmu, cangguh, jujur, disiplin, beramanah dan cekap. - -
Lagi.

♥08/11/11-18MST

CNS0138

U GB 08-11 00133 BA613

aab

Mahathir - UMNO (Islam) 4 Kuala Lumpur (akhir)

+Semua anggota UMNO mestilah menganggap tugas mereka ke arah pembentukan Melayu dan Bumiputera abad ke-21 ini sebagai satu jihad kerana ia adalah perjuangan yang mulia yang akan menyelamatkan iman dan agama Islam dikalangan Bumiputera dan orang Islam yang lain, + katanya.

Menurut beliau, zaman orang Islam bertelagah sesama sendiri dan bermusuh dengan orang bukan Islam secara buta tuli sudah berakhir.

Datuk Seri Dr Mahathir mengakhiri ucapannya dengan menegaskan: +Kita tidak mempunyai masa untuk tafsiran yang karut mengenai Islam. Kita tidak mempunyai masa untuk berebut-rebut tempat bagi diri sendiri. Kita tidak perlu tanya siapa akan menggantikan siapa. Kita tidak perlu kepada klik dan kumpulan. Kita tidak perlu kepada pembaziran masa dengan pelbagai-pelbagai ramalan. +-- Bernama

♥08/11/11-22MST